



Max Schupbach



## **Mat Rempit, Usahawan, Polis, Residen & Penagih dan Pentadbiran Bandaraya di dalam Forum Terbuka di Zurich, Switzerland.**

*Kerjadunia dalam perjumpaan Bandar : Penerangan Kes*

Max Schupbach, Ph. D.

Di dalam seksyen yang bewarna biru dibawah, anda akan dapati penjelasan teori Kerjadunia dari Amy dan Arnold Mindell. Mereka menerangkan beberapa terma dan konsep yang digunakan dalam penerangan kes. Jika anda sudah bersedia dengan Kerjadunia, atau kurang berminat dalam aspek teoretikal, sila pergi terus ke permulaan penerangan kes dibawah.

### ***Penerangan tentang Teori Kerjadunia (Worldwork)***

*Disini ada beberapa penerangan teori dan metodologi yang diperlukan untuk pemahaman yang lebih baik bagi penerangan kes. [Untuk maklumat lanjut tentang terma dan konsep, sila baca artikel penerangan.](#)*

*Berdasarkan paradigma Kerjadunia (Worldwork), sesebuah organisasi atau fungsi kumpulan pada **peringkat** berlainan, yang bertindak sebagai dunia-dunia selari. Satu peringkat ialah reality harian, terdiri fakta organisasi, manusia, struktur, matlamat, strategi, dan masalah yang perlukan penyelesaian. Pada peringkat lain, yang terurus sendiri, sebuah kumpulan distrukturkan dengan **prinsip pengurusan**, sebuah **bidang**. Bidang ini mengagihkan pelbagai polariti, atau kedudukan, diantara kumpulan tersebut. Pada peringkat pengurusan sendiri, beberapa isu yang di kira sebagai "masalah" adalah merupakan cubaan sistem tersebut untuk mengimbangi dirinya. Kebanyakan kecenderungan imbalan-sendiri adalah berhubungan dengan polarity, dimana hanya satu pihak yang betul-betul kelihatan, dan pihak berlawanan ialah pihak bukan tempatan yang hadir dalam sebuah kumpulan. Sebagai contoh, dengar akan sebuah kata-kata pemimpin: "Kita gagah dan berani, dan akan meneruskannya walau apa*

*pun!”, dan anda boleh merasai polarity dalam kumpulan, orang yang ragu dan skeptik, pada mereka yang merasai akan maksud ayat tersebut, lawan yang diimajinasikan, yang percaya akan kelemahan kita dan tidak akan meneruskannya. Sebagai fasilitator, kita boleh membuat **peranan** dari kedudukan ini untuk menampakkan lagi, dan memberi mereka peluang berinteraksi. Bayangkan ia sebagai satu kumpulan yang menuruti skrip seorang pengarah halimunan – sesuatu yang menyerupai kumpulan bukan tempatan yang besar – yang akan membuat persembahan. Bila anda cuba mengetuai sebuah kumpulan, anda mungkin merasakan yang sebuah tangan halimunan bekerja melawan anda, bila mana ianya merupakan kecenderungan pengurusan-sendiri yang menarik kita kearah berlawanan.*

***Peranan** boleh dibezakan kepada peranan **ijmak realiti** dan peranan hantu. **Peranan ijmak realiti** (juga dipanggil “Peranan IR”, atau kadang-kadang gunakan terma “peranan” generic) adalah kedudukan yang dimiliki oleh kepercayaan sistem sentral sesebuah kebudayaan atau kumpulan, dan kemudiannya secara amnya diterima oleh kumpulan tersebut. Mereka boleh disuarakan tanpa membangkitkan reaksi yang kuat dalam kumpulan. Secara jelasnya, **peranan hantu** adalah perbuatan yang tidak dapat disuarakan, sebab mereka tidak dapat diterima atau rasional diantara kebudayaan organisasi yang diberi, atau diluar sesuatu yang dikira sebagai “realiti”. Walaupun peranan hantu itu tidak explicit, semua orang merasai kehadiran dan menderitainya. Peranan hantu juga boleh dikesan dalam komunikasi tidak sengaja.*

*Peranan IR dan peranan hantu mempersembahkan sejenis permainan bayangan. Bayangkan teater patung, diantara dua patung terdapat perbualan, dan dibelakang terdapat skrin kapas teater patung tersebut, anda lihat sebagai kontuor patung ketiga. Dua patung tersebut kini dalam perbualan, tetapi sekali sekala patung dari belakang skrin itu menyampuk. Patung-patung dihadapan seperti tidak menyedari kehadiran bayang-bayang patung tersebut di belakang skrin, dan kemudiannya mempercayai yang suara itu di buat oleh patung yang satu lagi. Dalam teater patung, ini akan menjurus kearah silap faham yang menarik. Menarik pada pemerhati, tetapi tidak pada patung-patung tersebut, yang sebenarnya tertekan. Tahap ketegangan patung-patung yang boleh melihat bayangan patung adalah peringkat ijmak realiti; peringkat yang mengambilkira bayangan patung merupakan peringkat organisasi-diri, atau apa yang kita panggil sebagai peringkat mimpi. Walaubagaimanapun, contoh diatas tentang penonton yang bukan disukai oleh patung-patung tentang persembahan masih benar untuk proses perkumpulan. Banyak interaksi, jika anda terikat dalam satu peranan atau polariti, boleh jadi terlalu menyakitkan, tetapi bila anda memahami struktur tersebut, bercakap peranan hantu, disebalik kekeliruan, ia mungkin akan menghasilkan senyuman di muka anda.*

*Kita semua sedar akan kedinamikan ini. Bila kita bercakap tentang apa "sebenarnya" berlaku didalam sebuah kumpulan, seperti dibantah akan apa yang dikatakan pada asasnya, kita sebenarnya didalam sebuah peranan dan peranan hantu. Peranan mengatakan ayat yang betul, menggunakan cara komunikasi yang baik, dan mempunyai pandangan yang baik, apa sahaja kemungkinan dalam sebuah budaya organisasi, tetapi kita mendengar bisikan akan peranan hantu dalam insiniasi dan subteks, gossip, kekurangan reaksi terhadap beberapa perkara yang telah dikatakan.*

*Satu alasan akan sesebuah kumpulan selalunya mengelak dari membuat komunikasi eksplisit dengan tidak sengaja, atau memberi suara kepada peranan hantu, ialah sebuah ketakutan akan kesan sampingan konflik tidak mampu diselesaikan. Ianya masuk akal dari perspektif ijmak realiti, dimana kita telah biasa akan tidak menghadapi konflik yang selesai dan dimana hubungan boleh jadi tergugat selamanya, oleh kerana seseorang "berkata benar". Dari perspektif Worldwork (Kerjadunia), ianya masuk akal dari sudut lain. Peranan dan peranan hantu bukan lah satu yang hadir tempatan dalam ertikata yang mereka adalah hak milik kesemua orang. Oleh itu, pemprosesan peranan hantu bermaksud untuk menyedari, yang anda juga menyukai orang tersebut, peranan atau kumpulan, yang anda fikir adalah bertanggungjawab terhadap segala kesukaran. Ini ialah juga oleh kerana jika seorang telah mengambil peranan yang tidak popular dalam sebuah organisasi, seseorang akan juga mengambil peranan yang sama atau sebahagian daripada aspeknya. Walaupun peranan hantu sangat mudah dipaparkan terhadap kumpulan lain, mereka juga hadir dalam kumpulan itu tersendiri, dimana ianya kekal terhad. Dalam kes deskripsi ini, anda boleh melihat bagaimana kedua-dua sub kumpulan yang dipaparkan sesebuah peranan tentang perangai mereka tentang kumpulan mereka terhadap kumpulan lain.*

*Kedinamikan inilah merupakan sebab akan kenapa kita selalunya mengambil interaksi emosional untuk memahami sedalamnya bagaimana peranan-peranan ini hadir dalam sesebuah kumpulan tersebut. Proses mendapatkan kesedaran diri tentang asal-usul seseorang itu tidak mudah berlaku pada peringkat rasional dan linear sahaja, seperti peringkat itu adalah sangat jitu, yang selalunya mengandungi sistem kepercayaan yang terhad dimana isu itu perlu disedari akan kumpulan tersebut. Oleh kerana proses pencerminan, satu-satunya resolusi dalam situasi ini ialah dengan meningkatkan kesedaran, akan bagaimana kita adalah sebaliknya, bagaimana kita sendiri adalah selalunya sebahagian dan menyumbang kepada apa yang melahirkan rasa tidak puas hati kita. Memang patutlah mengapa kita malu akan konfrontasi secara terus.*

*Proses mencapai kesedaran ini boleh jadi terlalu emosional. Ianya selalu menjurus kita untuk melalui satu tempoh kitaran dan konfrontasi. Jika kita mampu melakukannya, dan pada masa yang sama jumlah pengalaman*

*keseluruhan dengan kesadaran, langkah demi langkah, kita akan akhirnya sampai ke tahap untuk menghargai akan peranan-peranan ini hadir dalam keseluruhan sistem. Keseluruhan maklumat dan pengetahuan yang terkandung dalam peranan-peranan tersebut menjadi eksplisit dan boleh digunakan secara kreatif oleh seluruh kumpulan. Dari perspektif ini, gangguan atau masalah adalah potensi yang akan akhirnya digunakan! Ianya merupakan kerja seorang fasilitator untuk membuat satu ruang kandungan selamat untuk peserta, dan memastikan, yang pada akhir proses kumpulan, segala konflik telah diselesaikan, dan semua orang memahami dimensi baru tentang masalah yang dipersembahkan. Peserta dan pelanggan tidak hanya mempunyai hak, tetapi juga tanggungjawab untuk menjadi skeptikal dan mengambil berat tentang hasilnya. Ianya merupakan hak kepada kerja fasilitator untuk mengenalpasti dan menghubungkannya kepada ketakutan dan akan memastikan yang semuanya dilindungi.*

*Fasilitasi berterusan ialah berasaskan tentang penemuan dan kecenderungan bantuan asas fasilitasi-sendiri tentang kolektif. Peranan yang sebenarnya memfasilitasi keseluruhan proses adalah mereka sendiri terkandung didalam seluruh kumpulan, dan peranan ini tidak selalunya dikenali atau diketengahkan oleh kumpulan tersebut. Satu contoh peranan ini ialah kekananan. Kekananan ialah berdasarkan satu ikatan hangat yang memahami kehidupan dan manusia sebagai pembangunan dan bukaan misteri dan oleh itu menghormati dan menyokong setiap orang dan kecenderungan, bila mana masih mampu untuk membuat satu sempadan dalam cara yang lembut.*

*Ianya berakar umbi didalam fikiran seseorang tentang erti hidup, dan peranan yang dimainkan oleh semangat dan alam semulajadi. Fikiran ini tidak perlu eksplisit, tetapi juga selalunya hanya dirasai didalam hati seseorang. Orang yang lebih tua kekal teguh dalam kepercayaannya tentang nilai teras yang membuat kehidupan bersama di planet ini tidak mustahil. Walaubagaimanapun, kepercayaan ini bukanlah paksaan terhadap pihak sebaliknya, tetapi hanyalah dimodelkan dengan cara ianya menjadi inspirasi untuk diikuti. Kekananan ialah sesuatu yang tersendiri terhadap umur dan ianya ditunjukkan sebagai selalunya pada manusia biasa sebagai ianya adalah ketua dan fasilitator.*

## **Kes Deskripsi**

### **Latarbelakang:**

Stadelhoferplatz – Stadelhofen Square dalam bahasa Inggeris - ialah kawasan membeli belah popular ditengah-tengah Zurich,

Switzerland. Ianya adalah satu taman yang sibuk, dibarisi dengan restoran dan kedai-kedai, dan restoran diluar pada musim panas dimana banyak orang duduk di bangku-bangku, berehat dari membeli-belah. Ditengahnya, ada terdapat bunga dan air pancut. Terdapat stesen keretapi berhampiran, yang membawa satu aliran komuter yang kuat dan pejalan kaki kekawasan tersebut.

Dalam tahun-tahun terbaru, Stadelhoferplatz kini menjadi tempat pertemuan yang besar pada mat-punk dari seluruh Eropah. Mereka bergaul dengan kumpulan yang terhad, seperti orang merempat 'Alkis', satu slanga singkat buat kaki botol, yang berpeleseran di square tersebut, dan selalu mabuk. Ada juga banyak manusia dengan politoksimania, perkataan Latin pada mereka yang ketagih pada berbagai jenis dadah perangsang minda seperti heroin, kokain dan amphetamine. Situasi ini boleh menjadi liar. Ahli kumpulan kecil ini kadang-kadang berkonflik, selalunya dengan ganas, atau memainkan radio mudah alih mereka pada suara penuh. Kadang-kadang, mat-punk ini meminta dengan agresif, dan pelbagai kumpulan mainstream yang tinggal disana atau melalui kawasan tersebut telah membuat laporan, diganggu oleh cara permintaan agresif, mat-punk dengan rupa yang menakutkan dengan anjing besar yang menakutkan dilepaskan dengan bebas di taman tersebut. Mat-punk ini pula melaporkan akan rasa seperti dijatuhkan maruah dalam pelbagai cara oleh orang yang lalu-lalang.

Dari perspektif kebudayaan yang lebih besar, Zurich ialah sebuah Bandar yang telah menjadi pelbagai kebudayaan hanya semalaman. Padahal 10 tahun lalu, kemajmukannya hanyalah terhad pada Negara jiran di Eropah (Greek, Spain, Itali, Turki), kumpulan etnik dari seluruh dunia kini telah menjadi sebahagian dari kehidupan Zurich. Untuk kebanyakan orang Swiss, perubahan ini adalah sesuatu yang sukar. Disebaliknya, pendatang asing baru yang tidak terkira menderita akan diskriminasi bangsa dan insularity. Bila sebahagian nya meminta untuk lebih toleransi dan perhubungan diantara kebudayaan dan sub-kebudayaan, yang lain mahukan kerajaan dan polis untuk bertindak, dan mengekalkan semuanya "teratur mengikut cara tradisi Swiss".

Berlawanan dengan latarbelakang, suasana di Stadelhofen mempunyai potensi yang sangat tinggi. Bandaraya Zurich telah menghantar polis untuk mengekalkan keadaan, tetapi ini sebenarnya menghasilkan satu keadaan yang bermasalah. Untuk kebanyakan bahagiannya, kerja polis berfungsi dengan baik pada jenayah yang dilakukan dan boleh dicuba, atau dengan orang yang berminat dalam mengekalkan kewujudan saluran utama dan tidak mahukan masalah. Walaubagaimanapun, met rempit dan kumpulan kecil tidak begitu sesuai dalam kategori ini. Selalunya mereka tidak membayar denda-denda kecil kerana mereka tidak mempunyai wang, atau apa sahaja yang boleh diambil dari mereka. Walaupun mengalih mereka dari kawasan tersebut bukanlah satu penyelesaian berterusan, kerana ianya datang kembali.

### **Perjumpaan di Bandar:**

Diberi suasana hangat ini, Lukas Hohler dari SIP Zurich, satu kumpulan bertindak istimewa untuk jabatan social bandaraya Zurich, dan saya mencadangkan forum Bandar untuk membantu pelbagai kumpulan dalam menangani isu-isu ini. Lukas telah meyakinkan wakil-wakil dari kumpulan utama – persatuan perniagaan tempatan, ketua polis, pentadbiran Bandar dan mat rempit – untuk mengambil risiko datang bersama pergi kerja dalam kesukaran mereka didalam satu forum terbuka. Dua hari sebelum forum terbuka tersebut, Lukas dan saya telah berjumpa beberapa kali dengan kumpulan yang ingin akan resolusi, mendengar pendapat mereka dan keraguan mereka tentang perjumpaan. Kesemua orang sangat skeptical tentang kebarangkalian hasilnya. Tidak kurang juga, kami terpegun dengan hasil dari usaha rangkaian bila kami melihat mereka pemegang kepentingan hadir dari yang datang berjumlah beberapa ratus. Disitu terdapat ketua polis dan penolongnya, ramai ahli perniagaan dari kawasan tersebut, ahli 7-orang eksekutif Bandar, orang yang merempit tanpa tempat kediaman, para 'alkis' yang mendiami taman, mat-mat rempit dengan anjing mereka, pelajar dari sekolah tinggi berhampiran, para pendiami apartment di kawasan tersebut, dan ramai lagi orang yang berminat.

Pada mulanya, ahli kumpulan berlainan menyatakan kedudukan mereka dalam pendedahan 3-minit, termasuk lah peniaga-peniaga, mat-mat rempit, polis, dan seorang pelajar dari sekolah terbesar di Zurich yang berhampiran, dan pelajar yang selalu berada di taman tersebut. Daripada jumlah ini, satu angka kedudukan telah diwakili seperti berikut:

Pemilik perniagaan: ahli kumpulan kecil adalah sesuatu yang tidak bagus untuk perniagaan, mereka hanya menakutkan orang lain, kadar kemasukan untung telah menurun, dan kami fikir ianya adalah salah bila orang ditindas bila mereka cuba untuk membeli-belah disini. Kami benci bila kami dilayan secara agresif, dan pekerja kami sangat takut untuk pergi kerja.

Polis: Semua orang mengutuk kami. Komuniti perniagaan berkata kami terlalu berehat, dan kumpulan kecil itu memanggil kami sebagai ahli fascisme. Media kerap menghampiri kami atas kegagalan kami mengawal sesuatu dari berlaku, malah menuduh kami akan perbuatan kasar kami bila kami melakukan tindakan.

Mat Rempit: Tidak ada siapa mahukan kami dan semua orang mahu jatuhkan kami. Kami mempunyai cara hidup alternative dan nilai yang berbeza, dan berhak untuk hidup seperti mana kami mahukannya, dalam persatuan bebas. Anda telah mengalami akan kami sebagai agresif, kami pula mengalami akan pengiklanan saluran utama dan ketetapan dalam cara hidup mendapatkan keuntungan sebagai sesuatu yang agresif, hanya mengatakan serba sedikit.

Kedudukan pelajar sekolah tinggi: Saya inginkan semua orang supaya lebih bertoleransi antara satu sama lain. Orang lebih tua selalu memanggil kami sebagai orang muda.

Tepat pada mulanya, Asi, seorang wanita dari kalangan rempit, mula bercakap, dan tersentak akan kehadiran seorang lagi rempit yang masuk kedalam bilik perjumpaan, dan menjerit mengatakan tentang wanita itu seorang talibarut, menuduhnya dan rempit yang lain disitu dengan satu kesalahan oleh kerana duduk bersama-sama orang lain, mencuba untuk membetulkan

keadaan. "Mat Rempit tidak berurusan!" Dia menjerit dan berlari keluar. Kumpulan itu terkejut.

Sesetengah ahli perniagaan mesti merasai keakraban dengan masalah yang dihadapi oleh wanita itu, tetapi diantara ahli kumpulan mereka ada yang tidak bersetuju dengan forum tersebut, oleh kerana mereka percaya ianya akan memberi alkis dan Mat Rempit status yang sah. Mereka juga telah menulis kepada polis dan ahli politik agar forum ini tidak diteruskan. Bandaraya Zurich bagaimanapun, telah mengundi untuk dialog, dan merangka kepercayaan pada satu penyelesaian kini tidak lagi mampu berterusan. Malah, banyak pendapat perlu diambilkira. Oleh itu kedudukan berikut pada bandaraya Zurich, yang mana diiktiraf yang kita semua perlu mempelajari untuk hidup dengan kehadiran masing-masing. Penyelesaian berdasarkan faktor yang sah tidak mampu menampung jika komuniti tidak membuat sesuatu atas perbezaan mereka.

***Analisis:** terdapat banyak peranan dan peranan hantu yang hadir. Yang paling hampir pada permukaan ialah peranan pada dua pihak yang berkata, "Jangan beri peluang pada pihak berlawanan dengan berkata-kata dengan mereka, kerana ianya bermaksud anda perlu menyerahkan kedudukan anda". Bandaraya Zurich memainkan peranan yang paling kanan, yang membawa kepada permulaan keseluruhan proses.*

### **Interaksi pertama:**

Kemudiannya diikuti satu perbincangan hangat tentang meminta sedekah; sungguh susah untuk aliran utama mengatakan tidak, dan bagaimana payah untuk membuat wang yang cukup dari pihak peminta sedekah. Dalam pada itu, rakan fasilitator saya menegaskan yang mana kedua pihak berada pada satu asas yang sama. Kedua-duanya melaporkan tentang bagaimana susah untuk hidup dan menyalahkan yang sebaliknya. Tidak disangka-sangka, kedua-dua pihak bersependapat tentang itu. Ahli-ahli perniagaan berkata tentang sewa yang mahal dan overhead yang tinggi, polis pula tentang kesukaran berada dalam keadaan sentiasa dikritik dan ditinggalkan dengan kerja mereka tanpa bantuan masyarakat, dan mat rempit pula bercakap tentang



bagaimana semua orang membenci mereka dan memandang rendah pada mereka.

***Analisis:** peranan yang hilang ialah peranan yang paling kanan, yang boleh mendengar kepada semua komplek. Semua kumpulan merasa seperti dieksploitasi, dan kesukaran mereka tidak didengari. Ini adalah kerana terlalu banyak unsur negative tentang kedatangan: semua pihak berharap agar kesukaran mereka didengari.*

Pada masa perbincangan, banyak perkara menakjubkan berlaku, dan pertukaran peranan berlaku. Ahli perniagaan, sebagai contoh, menerangkan yang mereka tidak menyukai akan mat-mat rempit yang kencing merata-rata. Tentang ini, sesetengah mat rempit bersependapat dan meminta maaf, dan menyatakan pada masa akan datang mereka akan memerhati akan sesiapa yang berlaku sedemikian. Walaupun suara nada mat rempit tersebut seperti yang sukar dipercayai, seperti tidak memahami kenapa orang terlalu memfokuskan tentang isu tersebut, salah seorang mat rempit bangun dan berterima kasih pada pihak bandaraya kerana menyediakan tandas mudah alih di taman tersebut. Tetapi dia kemudiannya mencadangkan sebagai tambahan, mereka patut menyediakan orang yang membersihkan tandas tersebut pada kadar tetap, sambil mencerca pihak bandaraya akan tidak mampu membersihkan tandas yang disediakan, oleh itu lebih banyak mat rempit memilih untuk melepas diluar tandas atas alasan ianya lebih bersih. Komen saya, yang semua orang Swiss bersependapat pada satu perkara dalam keinginan mereka terhadap kebersihan, tidak kira tahap pemikiran mereka, ianya difahami oleh semua dan membawa kepada satu kesatuan pemahaman. Perbualan tersebut berterusan menyentuh pelbagai usul, ahli dari kedua-dua membuat komen tentang apa yang boleh melegakan bila berbincang bersama. Kemudiannya seorang pekedai bertanya kepada mat rempit yang hadir samada mereka akan tampil jika mereka menyaksikan ada mat rempit yang lain memberi kesukaran kepada ahli perniagaan lain. "Ya" jawab seorang dari mat rempit, kemudiannya diam "saya akan". Kini kita mula bercakap dan melayani satu sama lain seperti seorang manusia, saya rasa semuanya kini berlainan. Sesetengah

ahli kumpulan perniagaan nampak tersentak. Kemudiannya dengan bantuan fasilitasi, mat rempit itu kemudiannya bertanya kembali: "Dan jika kamu melihat orang biasa aliran utama merendahkan kami, adakah anda juga akan masuk campur?" Ahli perniagaan kini mula tertekan. Mereka tidak mahu berkata ya secara terbuka. Mat rempit memang jelas tersentuh dengan keraguan mereka. Mereka mula berpatah dan salah seorang dari mat rempit menegaskan yang mereka akan kembali kepada mode "fuck you". Kami fasilitator telah merangka apa yang sedang berlaku dengan menjelaskan, yang ini adalah satu masa yang penting. Kedua-dua pihak perlu melihat akan setiap mereka berkuasa untuk memberi kesusahan kepada yang satu lagi. Ianya adalah satu detik untuk bertidakbalas dengan kekuatan menyeluruh dari kedua pihak. Datang bersama bukan kerana takut, tetapi oleh kerana kemahuan untuk resolusi dan perhubungan yang lebih baik.

***Analisis: Perangkaan** – kami merangka segala kekuatan dan kuasa dikedua belah pihak. Permulaannya diterangkan dengan kerisauan terhadap berdialog, hasil daripada tekanan dan manipulasi. Dialog sebenar hanya boleh berlaku jika semua pihak sedar akan kekuatan mereka untuk membuat kehidupan itu mustahil bagi pihak berlawanan. Anda mahu untuk hadir dari kedudukan yang berkeyakinan diri dan anda mahu dihormati untuk siapa diri anda. Dari kedudukan ini, anda boleh mendengar untuk memahami dan menghubungkan ia dengan pihak sebelah lagi.*

Bila fasilitator merangka situasi ini, suasana telah berubah. Seorang ahli perniagaan yang mengendalikan salah satu dari gedung yang besar dikawasan tersebut, tampil kehadapan dan berkata ya, dia akan menyampuk dan menyebelahi mat rempit. Tiba-tiba suasana bilik menjadi senyap. "Betul, anda akan berbuat demikian?" kata salah seorang mat rempit, nyata jelas dengan interaksi tersebut, dalam ketidakpercayaan. "Ya, saya akan.", kata ahli perniagaan tersebut.

***Analisis: Kehadiran manusia**, dengan mengatakan yang mereka saling mahu mempertahankan kumpulan berlawanan dari serangan aliran utama, menjadi satu komuniti setempat. Mereka*

*kini tidak lagi sebahagian daripada aliran utama, kerana mereka kini berbeza, milik komuniti yang berbudayakan 'berbincang bersama'. Ini adalah disebalik dari aliran utama, yang berfungsi dengan memberi jalan kepada yang 'sebaliknya'. Ianya merupakan detik ini yang membina asas untuk dialog berterusan yang akan berlaku di masa depan. Pada peringkat struktur, orang luar yang berlawanan dengan yang 'berlainan' yang dipertahankan, merupakan salah satu dari peranan hantu dalam kumpulan ini. Dari pandangan tersebut, perjanjian dari kedua pihak untuk mempertahankan sama sendiri boleh dikatakan sebagai satu komitmen untuk dialog masa depan diantara kumpulan itu sendiri.*

Pada masa ini, salah seorang dari ahli komuniti perniagaan, yang hanya berdiam diri buat masa ini, berkata yang dia ingatkan akan sudah tiba masanya bagi peserta forum untuk berhenti menggunakan terma 'diri mereka' dan 'mereka', dan menggantikannya dengan 'diri kami' dan 'kami', sedangkan mereka berkongsi satu tempat yang sama. Ini membawa kepada satu tepukan gemuruh dari semua orang. Kesatuan mat rempit pun menghala tuju pada arah yang sama, dan membuat satu cadangan. Ini apa yang saya ingat apa katanya: "Kita semua ingatkan dunia ini tidak membawa apa-apa. Kini kami sedar ada lebih banyak lagi dari apa yang kami sangka. Mungkin sudah tiba masanya untuk membuat satu pakatan, dan semua orang boleh mencuba yang terbaik untuk tiga bulan, dan kemudian kita lihat jika ianya berhasil. Jika salah seorang berlaku salah pada satu pihak," ianya bercadang, "pihak yang satu lagi tidak patut menggunakannya untuk menyerang nya bagi prejudis persendirian, tetapi patut mengingati perasaan akan malam ini. Selepas tiga bulan, semua orang patut datang kembali, dan memeriksa akan apa yang telah berlaku."

Salah seorang daripada fasilitator bertanya siapa akan kekal menjadi orang yang lain kepada perasaan jika mereka lupa. Ramai mengangkat tangan mereka.

Forum itu telah berakhir. Semua pihak berterima kasih kepada masing-masing atas penyertaan mereka, dan bertepuk tangan. Keadaan suasana seperti satu festival didalam khemah tersebut.

Malah polis, yang pada mulanya dituduh atas keganasan mereka, diberi tepukan atas penyertaan mereka. Dalam interaksi awal, salah seorang daripada ahli kumpulan aktivis social telah memanggil mereka sebagai fascisme, dan berkata yang mereka telah menggunakan kekerasan. Saya ingat bila ketua polis menjawab yang mereka telah melakukan yang terbaik, tetapi mereka tidak lah sempurna. Kerja polis boleh menjadi sukar, beliau menambah, memberi contoh untuk mencuba menangkap seorang kerana mengganggu orang lalu lalang, yang kemudiannya adalah seorang peninju professional yang membelasah polis. Kedua ketua polis yang hadir mengaku bahawa ianya sangat pilu bila seseorang memanggil anda seorang fascisme. Mat rempit kemudiannya senyap dan mendengar, dan mengangguk.

### **Kata penutup:**

Terimakasih kepada Lukas atas fasilitasi yang sangat hebat, kerja kumpulan yang sangat bagus dan mood keseronokan semasa keseluruhan perkara, dan pasukan SIP (pasukan penyelesaian Sekuriti-Intervensyen-Pencegahan bandaraya Zurich) atas kerja mereka. Para media cetak Zurich memberi penghormatan atas persidangan itu sebagai satu penemuan baru. Lukas menyambung kerjanya diantara kumpulan yang telah bersetuju untuk berjumpa secara bulanan untuk perbincangan meja bulat. Persidangan meja bulat ini telah berlanjutan sejak musim panas 2003 dan telah membuat satu model baru bagi kediaman Bandar. Mereka terbuka pada sesiapa sahaja, dan pihak polis, pihak berkuasa tempatan dan komuniti perniagaan juga para kumpulan kecil, dan selalunya sekurang-kurangnya seorang ahli akan datang. Suasana dan peringkat masalah disekitar Stadelhofenplatz telah menjadi lebih baik dengan mendadak. Terima kasih juga kepada pentadbiran progresif bandaraya Zurich, dan istimewa sekali kepada Kounsel Eksekutif Bandaraya Monika Stocker, untuk segala sokongan dan pembukaan dalam keseluruhan projek.

Berikut adalah beberapa gambar diambil, dan keratin akhbar bagi anda untuk lebih merasai segalanya.



Forum terbuka di Zurich dengan pelbagai kumpulan peserta



Asi dan Max selepas satu forum Bandar: Asi adalah jurucakap bagi mat rempit semasa forum tersebut.



Pasukan SIP yang 'berkembang', yang bertanggung jawab atas membuat forum ini menjadi nyata, semasa majlis penutupan di pub berdekatan selepas forum (dari kiri ke kanan, Bivoldzic

Ibrahim, Gabriela Merlini dos Santos, Lukas Hohler, Michael Herzig, Christian Fischer, dan Max Schupbach)

raum der Band befindet, und entwendeten zwei Keyboards, mehrere Lautsprecherboxen, Mikrofone und eine Akustikgitarre. Die Stadtpolizei hofft man auf hilfreiche Zeugenaussagen.

ZURICH - Die Punkszene hat den Geschäftsinhabern am Stadelhoferplatz ein Dorn im Auge. Laut einigen Gewerbevertretern machen Kunden wegen der Punks einen Bogen um den Platz. Um die Situation zu entschärfen, lud gestern die SIP (Sicherheit, Intervention, Prävention) des Sozialdepartements beide Parteien zu einem Forum ins extra dafür auf-

belegtesuchte, fortzusetzen Nicole Fix geht nicht davon aus, dass immer dieselbe Bande am Werk ist. »Diese Methode ist effektiv – deshalb wird sie angewandt.«



**Gewerbevertreter und Punks gemeinsam im Konflikt-Zeit am Stadelhofen.** Markus Felisch

**Gewerbler und Punks verschafften sich Luft**

ZÜRICH – Die Punkszene hat den Geschäftsinhabern am Stadelhoferplatz ein Dorn im Auge. Laut einigen Gewerbevertretern machen Kunden wegen der Punks einen Bogen um den Platz. Um die Situation zu entschärfen, lud gestern die SIP (Sicherheit, Intervention, Prävention) des Sozialdepartements beide Parteien zu einem Forum ins extra dafür auf-

baute Konflikt-Zeit auf dem Stadelhoferplatz ein. Rund 50 Personen, darunter knapp ein Dutzend Punks, verschafften sich Luft und machten Verbesserungsvorschläge.

**B**  
**d**  
ZÜRICH  
frist  
betre  
tutor  
unge  
gab  
geger  
schär  
Reto  
depar  
Minu  
hatte  
ment  
schie  
nen a  
**Se**  
**eig**  
ZÜRICH  
Migra  
hen  
gratio  
nalrat  
hat d  
Plus-  
die S  
werk  
Seco  
des K  
sich d  
aus w  
entspr  
ten s  
Mittel

Keratan akhbar: 20 Minuten, sebuah suratkhabar Swiss